

PM umum peruntukan lebih RM130j bantu peneroka FELDA

Dana disalurkan menerusi dua inisiatif untuk kos operasi ladang, komuniti

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com

Serdang: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan lebih RM130 juta menerusi dua inisiatif yang dilaksanakan kerajaan bagi membantu peneroka FELDA.

Perdana Menteri berkata, dua inisiatif itu merangkumi peruntukan RM100 juta kepada FELDA untuk menampung kos pengoperasian ladang susulan penyasaran subsidi diesel.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga bersetuju meluluskan RM31.7 juta untuk 317 tanah rancangan FELDA bagi Program Sejahtera Komuniti MADANI (SejaTI MADANI).

“Kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi diesel di mana harga runcit bahan api itu ditetapkan tanpa subsidi bagi menangani penyeludupan dan ketirisan diesel bersubsidi.

“Langkah ini diambil bagi memastikan pendapatan peneroka FELDA tidak sama sekali terkesan,” katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari Peneroka FELDA 2024 peringkat kebangsaan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Untuk peruntukan bagi program SejaTI MADANI, Perdana Menteri berkata, bantuan itu disasarkan dapat memberi impak positif kepada komuniti FELDA.

“Pembabitan FELDA dalam SejaTI MADANI merencanakan aktiviti ekonomi pada peringkat komuniti.

“Justeru, komuniti diberi kebebasan bermusyawarah untuk memutuskan sektor tumpuan seperti pertanian dan makanan, jahitan dan kraftangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, beliau terbuka mendengar permasalahan mana-mana pihak jika berdepan kesulitan, namun tidak perlulah memaki hamun atau mencela sebaliknya cukup jika masing-masing berunding serta berbincang sebaik mungkin.

Memberi contoh isu dihadapi peneroka dengan pelaksanaan penyasaran subsidi, Anwar mendedahkan yang Pengerusi FELDA, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, ada bertemunya menyuarkan kebimbangan peneroka susulan tindakan kerajaan.

“Shabery Cheek selepas mesyuarat Jemaah Menteri, cakap dekat saya masalah dihadapi peneroka. Kalau betul, kita kena baik... Maka saya setuju.

“Di FELDA banyak kereta sapu, tak bayar cukai jalan, macam mana (mereka) nak bayar subsidi? Jadi kena runding baik-baik



Pengunjung hadir pada sambutan Hari Peneroka FELDA 2024, peringkat kebangsaan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

(antara FELDA dan Kerajaan) untuk cari penyelesaian.

“Kalau maki hamun memang tidak dapat. Lagi kuat kamu maki hamun, makin (saya) menyampah saya nak layan. Kalau bincang elok-elok boleh,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Ahmad Zahid juga ada berjumpa dengannya untuk sampaikan kekhawatiran peneroka FELDA.

Berkongsi masalah itu, Anwar berkata, Ahmad Zahid bangkitkan isu kenderaan dimiliki peneroka seperti traktor tidak berdaftar dan tiada cukai jalan.

Katanya, beliau tiada masalah langsung untuk berbincang mengenai permasalahan itu kerana komited untuk mencari jalan penyelesaian bagi membantu peneroka FELDA.



Trak mengangkut buah sawit berteknologi EV antara dipamerkan sempena Sambutan Hari Peneroka FELDA 2024, di MAEPS, Serdang. (Foto BERNAMA)